

A Survey of Professionalism Traits among Education Students in Public University

Kajian Tinjauan Tret Profesionalisme Mahasiswa Pendidikan Universiti Awam

Corrienna Abdul Talib^a *, Habibah Abdul Rahim, Fatin Aliah Phang, Rohaya Talib, Nur Wahidah Abd Hakim

Department of Educational Sciences, Mathematics and Creative Multimedia, School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanitis, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia.

*Corresponding author: corrienna@utm.my

Article history: Received: 28 April 2022 Received in revised form: 20 December 2022 Accepted: 27 December 2022 Published online: 30 April 2023

Abstract

A survey was conducted to identify the professionalism traits among education students, namely Manner Towards Teacher (AB), Appearance (PN), Oral Communication (KL), Respect (HM), Respect for Time (MM), Digital Communication (KD), Integrity (IG), Gratitude (BS), and Group Work (KK). The items were constructed based on operational definitions from the literature and adapted based on the current context. The first administration (pre) of the Educational Student Professionalism Trait Questionnaire (STPMP) was in the second week, while the second administration (post) was in the thirteenth week of the study session 2021/2022 semester 1. The administrations were done through the Google Form application on 126 students taking Teacher Professionalism Course. Both data sets were analyzed to identify professionalism traits (pre and post), professionalism traits based on gender, the relationship between dimensions, and dominant dimensions that are predictors of professionalism traits. STPMP had undergone a consistency verification process ($N = 42$) where the Cronbach's Alpha (r) reliability index is at (.95). The findings of the study showed that the mean score for the professionalism traits of the education students is at a moderately high level, while the mean score for the professionalism traits of male students is higher than female students. Next, (BS) is the highest dimension, while (MM) is the lowest dimension. There is also a significant effect on the professionalism of the student ($p < 0.05$); four dominant dimensions are KK (.185), MM (.158), BS (.149), and AB (.139). IG is the dimension least influencing the professionalism traits of educational students.

Keywords: professionalism traits, teacher, student, education, public university

Abstrak

Dalam mengenalpasti tret professionalism mahasiswa pendidikan, kajian tinjauan telah diukur berdasarkan sembilan dimensi iaitu Adab Berguru (AB), Penampilan (PN), Komunikasi Lisan (KL), Hormat Menghormati (HM), Menghormati Masa (MM), Komunikasi Digital (KD), Integriti (IG), Bersyukur (BS) dan Kerja Berkumpulan (KK). Item-item dibina berdasarkan definisi operasi dari sorotan literatur dan disesuaikan dengan keperluan konteks semasa. Soal Selidik Tret Profesionalisme Mahasiswa Pendidikan (STPMP) telah ditadbir sebanyak dua kali; tadbiran pertama (data pra) pada minggu kedua manakala tadbiran kedua (data pos) pada minggu ketiga belas dalam sesi pengajian 2021/2022 semester 1. Kedua-dua tadbiran STPMP telah menggunakan kaedah atas talian melalui aplikasi Google Form ke atas 126 orang mahasiswa Kursus Profesionalisme Guru. Kedua-dua set data telah dianalisis bagi tujuan mengenalpasti tret profesionalisme (pra dan pos), tret profesionalisme berdasarkan jantina, hubungan antara dimensi dan dimensi dominan yang menjadi peramal kepada tret profesionalisme. STPMP telah melalui proses pengesahan ketekalan berdasarkan jumlah item $N=42$ di mana indeks kebolehpercayaan Alpha Cronbach (r) berada pada tahap cemerlang (.95). Dapatan kajian menunjukkan skor min bagi tret profesionalisme mahasiswa pendidikan berada pada tahap sederhana tinggi secara keseluruhan manakala skor min tret profesionalisme mahasiswa lelaki lebih tinggi daripada mahasiswa perempuan. Seterusnya, dimensi bersyukur merupakan dimensi tertinggi manakala menghormati masa adalah dimensi terendah. Dapatan juga menunjukkan sembilan tret profesionalisme yang dikaji mempengaruhi profesionalisme mahasiswa pendidikan secara signifikan ($p < 0.05$); empat dimensi yang dominan adalah kerja kumpulan (.185) diikuti menghormati masa (.158), bersyukur (.149) dan adab berguru (.139). Walau bagaimanapun, integriti adalah dimensi paling kurang mempengaruhi tret profesionalisme mahasiswa pendidikan.

Kata kunci: tret professionalism, guru, mahasiswa, pendidikan, institusi pengajian tinggi awam

© 2023 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan pendidikan secara bersepadu untuk membangunkan potensi insan secara holistik, iaitu keseimbangan dari segi intelek, rohani, jasmani, dan emosi. Pendidikan holistik bukan sahaja merangkumi aspek kecemerlangan akademik seperti cemerlang di dalam bidang Sains, Matematik, dan juga Bahasa, malah menekankan dalam aspek ahklak. Justeru, guru yang ideal adalah guru yang bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap, tetapi juga mempunyai nilai profesionalisme yang tinggi.

Kualiti guru yang baik dapat membentuk generasi seterusnya yang holistik dan berketrampilan. Niali professionalisme tidak hanya terletak di bahu guru yang sedang berkhidmat, malah bakal guru yang masih belajar (samada di institusi pendidikan atau universiti awam) juga diharapkan dapat menunjukkan sifat professionalisme yang tinggi. Hal ini kerana mahasiswa guru merupakan bakal agen pelaksana yang akan mendominasi aktiviti pendidikan, dan kelak menjadi perhatian masyarakat terutamanya anak didik mereka sendiri. Sebarang bentuk tingkahlaku yang dipamerkan semasa di dalam kelas akan menjadi rujukan oleh anak didik mereka sebagai *role model*. Justeru, amatlah penting bagi seorang pendidik serta bakal pendidik untuk mempunyai professionalisme yang tinggi.

Sebagai pelapis dalam dunia Pendidikan, proses pemilihan guru bermula seawal pemilihan calon mahasiswa/wi pendidikan sehingga mereka tamat latihan kursus perguruan. Sepanjang tempoh pengajian, mahasiswa guru menjalani proses pembelajaran yang menekankan aspek pengetahuan - kandungan subjek yang dipilih, dan juga teknik mengajar. Proses pembelajaran ini adalah selari dengan pandangan pengkaji terdahulu yang menyatakan bahawa terdapat hubungkait yang signifikan antara tahap professionalisme dengan pencapaian akademik (Hakimi, Hejazi, & Lavasani, 2011; Alamsyah, Ahmad, & Harris., 2020).

Tetapi, pencapaian akademik bukanlah pengukur terakhir dalam melayakkan bakal guru memasuki dunia pekerjaan sebenar. Dasar Pendidikan Kebangsaan (2012) menekankan komponen sikap dalam proses pembelajaran semasa dalam tempoh latihan perguruan. Hal ini adalah untuk membentuk sikap positif dalam diri mahasiswa guru, sejajar dengan matlamat Program Pembangunan Guru Baharu 2015. Menurut Pelan Induk Pembangunan Professionalisme Keguruan (KPM, 2016), professionalisme merupakan salah satu sifat yang perlu ada oleh Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Dimensi sifat professionalisme adalah kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan sesuatu, dll. Ini sejajar mengikut Kerangka Pembangunan Professionalisme Keguruan di mana mahasiswa Pendidikan yang berada di fasa praperkhidmatan hendaklah memperoleh kelayakan ikhtisas dan memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan KPM untuk layak disahkan jawatan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan apabila mereka tamat pengajian kelak.

Namun begitu, mengikut McLachlan, Finn, dan Macnaughton (2009), definisi professionalisme adalah sukar untuk dibentuk dan tiada definisi yang boleh diguna pakai di dalam apa jua keadaan, apatah lagi untuk bidang yang khusus seperti pendidikan (Demirkasimoglu, 2010). Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang membina senarai sifat khusus yang mencirikan professionalisme untuk dunia perubatan seperti altruisme, penghormatan, integriti, kecemerlangan, akauntabiliti, dan menghormati orang lain (American Board of Internal Medicine, 2001). Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengisi kelompongan fokus kajian berkaitan professionalisme dalam kalangan Mahasiswa Pendidikan dengan membina seterusnya mentadbir instrumen yang memfokuskan tret professionalisme dalam kalangan mahasiswa Pendidikan di salah satu institusi pengajian awam di Malaysia.

Kajian awal Ehrler, Evans, dan McGhee (1999) tentang hubungan antara *Big-Five Personality Trets* dan masalah tingkah laku pada kanak-kanak menunjukkan kesan yang ketara. *Big-Five Personality Trets* boleh membantu memahami kecenderungan yang berkaitan dengan tingkah laku bermasalah kanak-kanak. Ini menunjukkan bahawa memahami sifat sangat penting dalam memahami masalah yang dipamerkan oleh pelajar. Ini kerana jika dibandingkan dengan sikap yang berubah bergantung kepada persekitaran, sifat adalah fitrah kerana ia terbentuk sejak lahir. Oleh itu, mengenalpasti tahap sifat professionalisme dalam diri mahasiswa Pendidikan pada awal pengajian adalah penting bagi memahami kecenderungan mereka di dalam dunia Pendidikan.

Memandangkan professionalisme merangkumi tahap kecekapan, akauntabiliti, dan tanggungjawab yang harus digalas oleh seorang professional (iaitu individu yang terlibat dalam sesuatu pekerjaan dan menghasilkan pendapatan), tanggungjawab yang harus digalas oleh mahasiswa Pendidikan haruslah memenuhi keperluan, permintaan, dan kebajikan pengguna, masyarakat, dan organisasi (Syed Ismail al-Qudsy, Ab. Rahman, & Mohd Zain, 2009). Kepentingan nilai kerja seperti kejujuran, amanah, bermoral tinggi menjadi nilai kerja yang penting seperti yang digariskan oleh kementerian (INTAN, 1991).

Kajian tinjauan yang dijalankan oleh Abu Hassan dan Musa (2020) dalam mengenalpasti tahap professionalisme guru di Semenanjung Malaysia berdasarkan empat dimensi; watak guru, komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan, pengetahuan subjek dan pedagogi, dan kewajipan dan hubungan kerja di luar kelas menunjukkan adanya usaha untuk mengkaji tahap professionalisme guru. Dapatan kajian mereka menunjukkan tahap professionalisme guru sekolah kebangsaan (dalam perkhidmatan) berada di tahap tinggi. Amatlah penting adanya kajian tahap professionalisme dijalankan dan dikaji untuk memastikan tahap professionalisme bakal guru mampu dikekalkan atau dipertingkatkan bermula daripada awal. Jadi, sejauh manakah tahap sifat professionalisme mahasiswa Pendidikan? Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tret professionalisme dalam kalangan Mahasiswa Pendidikan, menjadi sumber rujukan berkaitan terhadap pelaksanaan kursus berkaitan professionalisme guru yang diharapkan dapat membentuk kemenjadian bakal pendidik, sekaligus untuk menampung kekosongan dalam kajian melibatkan bakal pendidik. Justeru kajian ini menumpukan kepada lima objektif seperti berikut.

1. Mengenal pasti tret professionalism mahasiswa/wi Pendidikan pada awal semester (pra) dan akhir semester (pos).
2. Mengenal pasti tret professionalism mahasiswa pendidikan berdasarkan jantina.
3. Mengenal pasti skor min tret profesionalisme mahasiswa pendidikan berdasarkan sembilan dimensi.
4. Mengenal pasti hubungan tret profesionalism integriti yang menjadi asas profesionalisme dengan tiga dimensi lain iaitu (i) Kerja Berpasukan, (ii) Adab Berguru dan (iii) Hormat Menghormati.
5. Mengenal pasti faktor peramal utama tret profesionalisme mahasiswa/wi pendidikan

■2.0 TINJAUAN LITERATUR

Untuk membentuk professionalisme yang tinggi, seorang guru harus fokus pada elemen kritikal dalam sikap, tingkah laku, dan komunikasi. Professionalisme guru dikaitkan dengan standard atau piawaian dalam Pendidikan agar menepati ciri yang dikehendaki. Mengikut Brock (2011) di dalam kertas kajian Asmawi dan Muhammad (2021), professionalism adalah pemikiran atau sikap seseorang yang mencerminkan kecekapan, pengetahuan, dan aspek pengetahuan. Bakal guru perlu menjalani kursus Pendidikan berlandaskan standard yang bukan sahaja dapat memperkasakan ilmu pengetahuan mereka dalam subjek spesifik yang telah dipilih, ia juga bertujuan untuk memperkasakan nilai dan sahsiah dalam diri mereka sebagai insan yang seharusnya menjadi teladan buat anak murid dan juga masyarakat apabila tamat pengajian kelak.

Tugas seorang guru melibatkan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas -- iaitu untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Guru yang professional dapat membantu murid belajar dan mengembangkan ilmu pengetahuan mereka dalam sesuatu subjek. Ini selari

seperti yang terkandung di dalam Standard Guru Malaysia 2.0. Standard Guru Malaysia merupakan panduan kepada badan-badan yang terlibat di dalam dunia Pendidikan seperti guru dan guru pelatih berkenaan dengan pembangunan profesionalisme guru.

Standard Guru Malaysia terdiri dari dua komponen iaitu Dimensi Kompetensi dan Etika Keguruan. Dimensi Kompetensi menjelaskan kompetensi yang perlu ada pada pelbagai tahap pembangunan profesionalism untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan. Domain Kompetensi dipecahkan kepada empat komponen; orientasi ilmu, instruksional, penglibatan komuniti, dan kualiti peribadi. Manakala Etika Keguruan merupakan prinsip moral dan nilai akhlak yang seharusnya menjadi pegangan dan amalan guru di Malaysia bagi memastikan profesion keguruan dipandang mulia oleh masyarakat. Terdapat empat teras dalam etika keguruan; tanggungjawab terhadap profesion, tanggungjawab terhadap murid, tanggungjawab terhadap ibu bapa/penjaga, dan tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Jelaslah, antara kualiti pendidik yang dititikberatkan di dalam Standard Guru Malaysia ialah kualiti peribadi yang mengamalkan gaya kepimpinan pendidik yang bersifat insaniah dan holistik.

Mengikut Collie, Shapka, Perry dan Martin (2016) seperti di dalam kertas kajian Abu Hassan dan Musa (2020), watak guru dijelaskan dengan lebih terperinci;

Ciri watak guru memainkan peranan dalam mempengaruhi bagaimana kepercayaan dan persepsi di tempat guru dikaitkan.

Watak guru memainkan peranan penting di dalam institusi Pendidikan. Guru yang mempunyai tret personaliti di tahap rendah berkemungkinan akan membawa persepsi buruk kepada individu tersebut dan juga institusi perguruan. Sebagai contoh, guru yang tidak mengindahkan kekemasan diri semasa bertugas akan memakai pakaian yang tidak bersesuaian seperti berselipar dan berpakaian yang tidak menutup aurat (berseluar pendek atau berpakaian ketat) semasa berada di dalam kawasan sekolah. Guru yang mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi dapat mengikuti etika dan kod pemakaian yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan ketika berada di dalam kawasan persekolahan atau kawasan berilmiah tanpa mengira *preference* mereka sewaktu di luar waktu bekerja. Sebagai role model, guru yang tidak mematuhi kod pemakaian yang telah ditetapkan oleh kementerian akan memberikan persepsi dan imej buruk kepada anak murid. Lebih parah apabila anak murid juga ikut melanggar peraturan pemakaian ketika berada di dalam kawasan sekolah. Ini akan mengganggu disiplin di dalam kawasan sekolah dan juga sesi pengajaran dan pembelajaran. Contoh ini jelas disokong seperti dapatan kajian oleh Syed Hassan et. al, (2009) terhadap persepsi pelajar MRSM ke atas pemakaian dan kekemasan guru mereka. Hasil dapatan menunjukkan item “selalu berpakaian kemas” di bawah dimensi Imej dan Integriti seperti di dalam Jadual 1 menunjukkan nilai skor min yang tertinggi berbanding item-item lain yang berada di dalam kelompok dimensi yang sama. Ini jelas menunjukkan pelajar memandang serius isu berpakaian kemas guru mereka.

Syed Hassan et. al, (2009) telah menjalankan kajian soal selidik ke atas persepsi pelajar MRSM terhadap tahap profesionalisme guru. Terdapat empat dimensi untuk menilai tahap profesionalisme Guru Pendidikan Islam yang dijalankan di dalam kajian ini; imej dan integriti, pengajaran dan pembelajaran, kepimpinan keagamaan, dan interaksi dengan pelajar. Item yang dibina berdasarkan empat dimensi adalah seperti di dalam Jadual 1;

Jadual 1 Item-item soal selidik tahap profesionalisme Guru Pendidikan Islam berdasarkan persepsi Pelajar MRSM (Syed Hassan et. al, 2009).

Dimensi	Item
Imej dan integriti	Selalu berpakaian kemas
	Berpakaian sesuai mengikut majlis
	Bersikap adil kepada semua pelajar
	Penyabar dalam setiap tindakan
	Amanah mengurus wang pelajar
	Sentiasa berwajah ceria
	Berdedikasi dalam melaksanakan tugas
	Berbudi bahasa
	Mudah didampingi
	Tepati janji
	Seorang yang lambat marah
	Seorang yang pemaaf
	Berseangat dalam tugas seharian
	Disukai ramai pelajar
Jarang menjadi umpatan pelajar	
Pengajaran dan pembelajaran	Bersungguh-sungguh semasa mengajar
	Sentiasa memberi dorongan pada pelajar
	Sentiasa memberi tunjuk ajar
	Pengajarannya tidak membosankan
	Memberi perhatian saksama kepada pelajar
	Pengajarannya diselangi jenaka
	Sering memberi perhatian kepada yang lemah
	Sering menggalakkan pelajar dengan budaya ilmu
	Luangkan masa di luar kelas formal
	Sering menggunakan pendekatan <i>student-centered</i>
	Pelbagaikan kaedah pengajaran
	Menerapkan nilai-nilai agama dalam P&P
	Kaedah P&P sesuai ikut keadaan
	Mengajar guna pelbagai sumber rujukan
Tidak bersifat pilih kasih pada pelajar tertentu	
Kepentingan keagamaan	Menghargai aktiviti pelajar
	Selalu membimbing pelajar buat aktiviti
	Selalu libatkan diri dalam aktiviti pelajar
	Tegur kesilapan pelajar dengan baik

	Selalu rangsang motivasi pelajar berjaya
	Pandai berceramah
	Kerap berucap di hadapan pelajar
	Cekap mengendalikan aktiviti maktab
	Menjadi ikutan kepada pelajar
	Disegani oleh pelajar-pelajar
	Dihormati oleh guru lain
	Guru PI lain senang beri bantuan kepada saya
	Guru PI lain sentiasa baik terhadap saya
Interaksi dengan pelajar	Mesra dengan pelajar
	Ceria dalam kelas
	Jarang bertindak kasar dengan pelajar
	Tidak suka melabel pelajar secara negatif
	Berminat untuk memberi bimbingan
	Tidak memarahi pelajar di khalayak
	Suka bercampur dengan pelajar
	Tidak suka menceritakan keburukan guru lain
	Suka menonjol kelebihan diri & keluarga
	Tidak suka menggunakan bahasa yang jurang sesuai
	Pandai menarik perhatian pelajar
	Berhati-hati dalam menggunakan perkataan
	Pandai ambil hati pelajar
	Tidak memanggil pelajar dengan gelaran negatif

“Watak guru” merupakan salah satu dimensi kajian tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia di dalam kajian Abu Hassan & Musa (2020). Kajian tersebut mengenalpasti professionalism guru dalam empat dimensi; watak guru, komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan, pengetahuan subjek dan pedagogi, tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas. Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan dimensi model Professionalisme Guru di dalam kajian oleh Tichenor dan Tichenor (2009, dirujuk oleh Abu Hassan dan Musa (2020)). Dimensi-dimensi kajian Abu Hassan dan Musa (2020) dikembangkan lagi ke dalam item-item soal selidik seperti dalam Jadual 2;

Jadual 2 Item-item soal selidik tahap profesionalisme guru kajian Abu Hassan & Musa (2020)

Dimensi	Item
Watak guru	Berpakaian dengan kemas.
	Mempamerkan keyakinan.
	Menunjukkan sikap positif setiap hari.
	Menghormati murid-murid dan idea mereka.
	Menetapkan standard yang tinggi untuk diri sendiri dan murid-murid.
	Meletakkan kebajikan murid-murid sebelum kepentingan peribadi.
	Bersemangat untuk mengajar.
	Berkelakuan dengan beretika di dalam dan luar sekolah.
	Menganggap Pendidikan murid-murid sebagai tugas utama.
	Mempamerkan tanggungjawab peribadi untuk kualiti pengajaran sendiri.
	Seorang yang fleksibel apabila bekerja dengan murid-murid dan/atau guru.
	Sentiasa tenang dalam semua situasi yang berkaitan dengan sekolah.
	Tidak sabar untuk datang ke sekolah setiap hari.
	Memaparkan kreativiti Ketika bekerja dengan murid-murid.
Melihat diri sebagai pelajar sepanjang hayat.	
Komitmen untuk berubah dan peningkatan berterusan	Memilih strategi pengajaran berdasarkan amalan terbaik dalam pendidikan dan penemuan kajian terkini.
	Mendedikasikan diri untuk mengajar sebagai kerjaya sepanjang hayat.
	Membuat penyampaian di seminar, bengkel, dan/ atau persidangan.
	Secara aktif mencari peluang pembangunan profesional.
	Bereksperimen dengan amalan pengajaran yang inovatif.
	Memulakan program baharu dalam bilik darjah untuk meningkatkan pembelajaran murid-murid.
	Cakna dengan trend sosial dan politik semasa yang mempengaruhi pendidikan.
	Kekal dalam bidang sendiri dengan membaca jurnal dan/atau menghadiri persidangan dan bengkel.
	Kerap memerhatikan guru lain untuk memperbaiki pengajaran sendiri.
	Menerima idea dan perubahan baru.
Terlibat dalam penyelidikan guru atau kajian tindakan untuk meningkatkan amalan sendiri.	
Pengetahuan subjek dan pedagogi serta tanggungjawab	Mengajar dengan kaedah yang sesuai dengan perkembangan semasa.
	Fahami bagaimana mata pelajaran akademik berkait dengan mata pelajaran lain.
	Memahami keperluan perkembangan kanak-kanak.
	Membuat keputusan dalam bilik darjah berdasarkan keperluan murid-murid.
	Mengetahui serta menerapkan teori perkembangan dan pembelajaran manusia.
Menjauhi perbuatan memalukan murid-murid.	

	Melakukan refleksi sendiri dan menganalisa pengajaran sendiri.
	Kerap menilai pilihan dan tindakan sendiri di dalam bilik darjah.
	Memiliki pengetahuan kandungan yang luas dalam bidang yang disijilkan.
	Menyediakan semua murid dengan peluang pembelajaran yang adil.
	Mempunyai pengetahuan pedagogi yang luas.
	Mempertimbangkan semua aspek murid-murid.
	Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif untuk murid.
Tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas	Merupakan suri teladan yang positif untuk murid dan guru.
	Berkhidmat sebagai rujukan awam dalam bidang pendidikan.
	Secara aktif menyertai jawatankuasa-jawatankuasa di sekolah dan/atau bersama-sama membuat keputusan bagi sekolah.
	Berkongsi idea dan strategi mengajar dengan guru lain.
	Mewujudkan hubungan mesra dan kerjasama dengan ibu bapa.
	Bekerjasama dengan guru lain untuk kepentingan murid-murid.
	Menghormati guru lain dan pihak pentadbir.
	Membantu memupuk persekitaran kerja yang positif di sekolah.
	Berbincang mengenai falsafah pengajaran dengan guru lain.
	Seorang mentor bersedia menjadi mentor kepada guru baru dan berpengalaman.
	Aktif dalam organisasi profesional perguruan.
	Mengambil bahagian dalam pembanguna kurikulum.

Jadual 3 merujuk kajian-kajian lepas berkaitan tahap profesionalisme guru yang dijalankan oleh pengkaji tempatan. Kajian-kajian ini menjadi rujukan penulis kerana dimensi-dimensi di dalam kajian-kajian lepas berkait rapat dengan kajian tret profesionalisme yang akan dibentangkan di dalam kertas kajian ini.

Jadual 3 Kajian-kajian lepas profesionalisme guru.

Bil.	Dapatan kajian	Pengkaji
1.	Tahap profesionalism guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia adalah tinggi.	Abu Hassan & Musa (2020)
2.	Tahap profesionalisme guru agama dan keberkesanannya di Maahad Muhammadi Perempuan, Kota Bharu, Kelantan berapa pada tahap yang tinggi.	Mutsalim, et. al, (2020)
3.	Tahap professionalism bakal-bakal guru berada pada tahap sederhana berdasarkan Standard Guru Malaysia.	Nor Hafizoh & Rohana (2012)
4.	Tahap profesionalisme guru pendidikan Islam MRSM berada pada tahap tinggi berdasarkan persepsi pelajar.	Syed Hassan et. al, (2009)
5.	Tahap profesionalisme guru pelatih berdasarkan persepsi pentadbir sekolah berada pada tahap sederhana.	Nadia Farhana (2008)

Tret atau “sifat” ialah kecenderungan untuk berkelakuan dengan cara yang boleh diramal atau boleh dipercayai. Ia adalah ciri yang menonjol dalam keperibadian seseorang, dan oleh itu adalah perkara biasa untuk bercakap tentang ciri-ciri personaliti (Bruno, 1986). Ciri seorang guru amat penting kerana guru merupakan contoh kepada anak murid mereka. Jika seorang guru digambarkan sebagai bermasalah; contohnya lambat datang ke kelas tanpa alasan yang munasabah, bagaimanakah persepsi anak murid mereka? Pada pendapat mereka, jika seorang guru boleh bertindak sedemikian, mereka juga seharusnya boleh melakukannya. Amat besar kesannya ke atas sistem pengajaran dan pembelajaran jika murid bertindak sedemikian -- atas alasan meniru perlakuan guru mereka. Hal ini dipersetujui oleh guru-guru sekolah kebangsaan seperti dapatan kajian Abu Hassan & Musa (2020), di mana item “merupakan suri teladan yang positif untuk murid dan guru” di bawah dimensi tanggungjawab dan hubungan kerja di luar kelas (Jadual 2) menunjukkan kekerapan yang tinggi.

Kajian yang dijalankan oleh Tikok (2018) ke atas sikap guru Bahasa Melayu terhadap pemilihan bahan bantu mengajar mendapati guru menunjukkan tahap tinggi dalam menggunakan bahan bantu mengajar yang direka sendiri. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa sikap seorang guru terhadap profesion mereka memainkan peranan yang penting dalam memastikan sesi pengajaran berjalan lancar. Kesediaan mereka dalam menyediakan bahan bantu mengajar sendiri jelas menunjukkan komitmen serta kualiti peribadi yang tinggi dalam diri seorang guru. Amatlah penting untuk diingatkan bahawa pembinaan bahan bantu mengajar sendiri memerlukan masa dan tenaga yang banyak daripada guru tersebut. Ini tidak akan tercapai jika seorang guru tidak mempunyai tret professionalism perguruan yang baik seperti jujur dan amanah dalam menjalankan tugas.

Kajian Nor Hafizoh dan Rohana (2012) menunjukkan tahap amalan professionalism keguruan dalam kalangan bakal guru di salah sebuah universiti awam adalah di tahap yang sederhana. Kajian yang telah dijalankan berdasarkan model Standard Guru Malaysia (KPM, 2009) mengikut domain diri yang dipecahkan kepada tiga dimensi; Kepercayaan kepada Tuhan, Kepimpinan, dan Kemahiran Intrapersonal & Interpersonal. Item dalam ketiga-tiga dimensi yang dibina berdasarkan Standard Guru Malaysia adalah seperti di dalam Jadual 4. Hasil dapatan kajian tersebut mendapati tahap amalan kemahiran interpersonal dan intrapersonal adalah yang tertinggi, diikuti dengan dimensi kepercayaan kepada Tuhan. Dimensi Kepimpinan menunjukkan tahap amalan yang terendah. Secara keseluruhannya, tahap amalan profesionalisme dalam kalangan bakal guru di universiti awam pada tahap yang sederhana.

Jadual 4 Item yang dibina berdasarkan Domain Diri berdasarkan model Standard Guru Malaysia (Nor Hafizoh & Rohana, 2012)

Dimensi	Item
Kepercayaan kepada Tuhan	Mempunyai pegangan kepercayaan kepada Tuhan yang dapat membentuk peribadi
	Melaksanakan tugas sebagai seorang pendidik di atas kesedaran diri sebagai seorang pemimpin perubahan dalam proses P&P
	Menerapkan nilai keyakinan kepada kewujudan Tuhan dalam proses P&P
	Menerapkan nilai kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan kerana yakin ia adalah nilai tertinggi dalam pembentukan seorang insan
Kepimpinan	Mempunyai kepercayaan bahawa setiap pelajar perlu dilatih sebagai pemimpin
	Melaksanakan pekerjaan dalam kehidupan sebagai niat menunaikan tanggungjawab sebagai pemimpin
	Menerapkan nilai tanggungjawab sebagai seorang pemimpin perubahan dalam melaksanakan P&P
	Menilai ciri-ciri kepimpinan pada seorang pelajar
Kemahiran Intrapersonal & Interpersonal	Mengutamakan adab dalam berkomunikasi dan berhubung baik dengan pelajar
	Menerima dan menyampaikan maklumat dengan tepat
	Sentiasa menyedari kekuatan dan kelemahan diri
	Sentiasa bermuhasabah diri untuk melakukan penambahbaikan secara berterusan

Kajian Mutsalim et. al, (2020) dalam mengenal pasti tahap profesionalisme guru agama mempunyai konstruk yang hampir sama dengan kajian Nor Hafizoh & Rohana (2009). Tetapi, kajian Mutsalim et. al, (2020) dipecahkan kepada lima dimensi; berilmu pengetahuan, kemahiran pengurusan pembelajaran, kemahiran penyampaian ilmu pengetahuan, kemahiran menilai pembelajaran, dan kemahiran interpersonal guru. Pecahan item bagi kelima-lima dimensi adalah seperti di dalam Jadual 5.

Jadual 5 Konstruk bagi kajian Mutsalim et. al, (2020)

Dimensi	Item
Kemahiran berilmu pengetahuan	Mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang agama secara mendalam
	Mempunyai asas ilmu pengetahuan selain daripada bidang agama pada tahap yang sederhana
	Konsisten dalam menuntut ilmu dan meningkatkan prestasi diri secara berterusan
	Berkebolehan dalam mempelajari ilmu pengetahuan secara sendiri
	Mempunyai kemahiran pengetahuan dalam bidang psikologi pembelajaran
	Mahir dalam teori dan prinsip perguruan
	Memahami matlamat pengurusan pembelajaran dengan jelas
	Mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman sebagai seorang guru agama pada tahap yang baik
Kemahiran pengurusan pembelajaran	Mempunyai kemahiran dalam merancang pelan persiapan pembelajaran
	Mempunyai kemahiran dalam mengatur pembelajaran yang pelbagai
	mempunyai kemahiran dalam mengurus pembelajaran dengan mengambil kira kepelbagaian pelajar
	Mempunyai kemahiran dalam mengurus pembelajaran secara menjadikan pelajar sebagai pusat pembelajaran
	Mempunyai kemahiran dalam mengintegrasikan pengajian sesuai dengan konteks sosial
	Mempunyai kemahiran dalam membentuk persekitaran untuk menarik perhatian pelajar
	Mempunyai kemahiran dalam mengadakan aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan kualiti pelajar mengikut hasrat yang ditetapkan
	Mempunyai kemahiran dalam mengintegrasikan pembelajaran antara teori dan praktik secara baik
Kemahiran penyampaian ilmu pengetahuan	Berkebolehan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar sehingga mudah difahami
	Mempunyai kemahiran dalam komunikasi sama ada dengan lisan atau pun gaya
	Berkebolehan dalam menyesuaikan cara mengajar mengikut kehendak pelajar
	Mempunyai teknik penyampaian yang pelbagai untuk menarik perhatian pelajar
	Berkebolehan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar serta mereka mampu mengamalkan dalam kehidupan sehariannya
	Berkebolehan dalam menggunakan teknik soal jawab dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan merangsangkan idea-idea
	Mengajar secara memberi peluang kepada pelajar untuk menyoal dan kemukakan pandangan dengan beralasan
	Melakukan adil ke atas setiap pelajar
Kemahiran menilai pembelajaran	Mempunyai pengetahuan dan memahami proses penilaian pembelajaran
	Mempunyai kemahiran dalam menilai pembelajaran dengan cara yang pelbagai
	Berkebolehan dalam membezakan tahap pengetahuan pelajar
	Mempunyai kemahiran dalam menyelesaikan masalah dan menganalisis punca permasalahan yang berlaku dalam kelas dengan tepat
	Berkebolehan dalam mengubah teknik penyampaian sesuai dengan keadaan dalam bilik belajar
	Memantau perkembangan dan peningkatan pelajar secara berterusan
	Mengaturkan pembelajaran berdasarkan hasil penilaian anda
	Berkebolehan dalam meningkatkan prestasi moral pelajar dengan cara yang pelbagai
Kemahiran interpersonal guru	Seorang yang sopan dan sentiasa menghormati orang lain
	Seorang yang menerima perbezaan pendapat orang lain
	Sanggup bekerja secara berpasukan
	Berkebolehan dalam tukar fikiran bersama dengan orang lain
	Bersedia untuk menjadi peserta dan bekerjasama dalam setiap aktiviti sama ada dalam sekolah,

	bersama dengan ibu bapa mahu pun masyarakat
	Seorang guru yang berjiwa khidmat untuk kepentingan masyarakat
	Mempunyai hubungan baik dengan masyarakat
	Bersedia untuk membantu rakan kerja

Guru sebagai pengemudi dan *role model* di dalam sebuah kelas hendaklah menunjukkan kepimpinan berkualiti di dalam kelas, seterusnya mewujudkan iklim Pendidikan yang mampu memacu kecemerlangan. Hal ini dapat dilihat daripada konstruk-construct yang dibina untuk mengenalpasti tahap profesionalisme guru dan bakal guru (lihat Jadual 1,2,4,5). Item-item yang dibina adalah bersifat menyeluruh; melibatkan emosi, jasmani, fizikal, dan spiritual seorang pendidik, yang juga merangkumi tugas pendidik terhadap masyarakat dan juga organisasi pendidikan itu sendiri. Ini jelas menunjukkan bahawa kecemerlangan bukan hanya setakat tertumpu kepada kecemerlangan akademik, malah penekanan juga diberikan kepada sahsiah diri seorang pendidik, dan ia bermula dengan tugas guru dalam memimpin murid-murid di dalam bilik darjah—iaitu pimpinan melalui tauladan.

Ciri kepimpinan disifatkan sebagai sifat yang dinamis, berhati-hati, inisiatif, kesungguhan, dan jaminan diri (Rahman, 2012). Contohnya jika murid melakukan kesalahan di dalam kelas, guru yang mempunyai tahap professionalism yang baik dapat mengawal diri daripada melampiaskan kemarahan kepada anak murid tersebut, malah mereka berupaya menyelesaikan isu ini di dalam keadaan yang terkawal. Tret profesionalisme ini bukan sahaja memberikan gambaran bahawa guru mereka adalah seorang yang beretika dalam menangani isu di dalam bilik darjah, malah masyarakat juga akan menyimpulkan bahawa institusi Pendidikan terdiri daripada individu yang mahir dalam menangani permasalahan secara profesional.

Ciri kepimpinan seorang guru juga dapat dilihat dengan jelas terhadap komitmen yang dijalankan semasa bertugas. Guru yang mempunyai tret profesionalisme yang tinggi dapat membimbing anak murid mereka ke arah matlamat yang dituju. Kajian Norashikin, Ramli dan Foo (2015) ke atas hubungan kepimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar menunjukkan kesan terhadap hubungan kepimpinan guru di sekolah dengan perubahan positif terhadap pencapaian akademik pelajar. Hasil dapatan tidak menunjukkan hasil yang kuat dan ini mungkin disebabkan kekurangan aktiviti pembangunan kepimpinan terhadap guru, justeru persepsi guru masih lagi kabur terhadap dimensi kepimpinan guru. Hal ini kerana kebanyakan guru menganggap tugas mereka hanyalah tertakluk sebagai pengajar untuk menghabiskan sukatan pelajaran mengikut jangka masa yang telah ditetapkan (Ab. Samad & Jamaluddin, 2005). Walaupun dapatan kajian menunjukkan kesan signifikan yang rendah ke atas hubungan kepimpinan guru dengan pencapaian akademik, terdapat kajian lepas yang mengesahkan kepimpinan guru dalam meningkatkan pencapaian akademik murid di sekolah (Berry, Daughtrey & Wieder, 2010). Ini menunjukkan bahawa tidak mustahil terdapat hubungan signifikan yang positif di antara dua konstruk ini. Hal ini mungkin kerana guru yang diberi autonomi dalam kepimpinan membina keyakinan dalam diri mereka, seterusnya dapat memberikan pengajaran yang berkesan (Berry, Daughtrey & Wieder, 2010).

Kepimpinan di sekolah bukan sahaja terletak di bahu guru besar atau pengetua, malahan guru juga menjadi pemacu dalam meningkatkan kecemerlangan, terutamanya dalam bidang akademik. Enam tingkah laku dan kemahiran dalam mengukur amalan guru sebagai pemimpin telah dinyatakan di dalam kertas kajian Norashikin, Ramli dan Foo (2015); kesedaran diri dan membuat perubahan, komunikasi, kepelbagaian, kemahiran pengajaran, penambahbaikan yang berterusan, dan organisasi sendiri (Katzenmeyer & Moller, 2009). Kepimpinan dalam bilik darjah memainkan peranan dalam membentuk suasana di dalam kelas yang cemerlang. Guru yang mempunyai kualiti kepimpinan yang baik mampu memberikan suasana kelas yang selamat dan meyakinkan, berjaya menyelesaikan konflik antara pelajar-sekolah atau pelajar-pelajar, serta mampu memberikan keseimbangan antara dorongan dan teguran (Ab. Samad & Jamaluddin, 2005).

Professionalisme di dalam perguruan mempunyai pelbagai aspek yang harus dititiberatkan, dan setiap satunya memberikan impak kepada dunia pendidikan; baik kepada guru, sekolah, dan terutamanya kepada anak murid mereka. Bagi golongan profesional terutamanya guru, hidup mereka seperti di dalam rumah kaca; sentiasa dipandang dan terdedah kepada segala jenis bentuk kecaman. Namun, ia tidak seharusnya menjadi halangan kepada bakal guru untuk terus memupuk sahsiah diri yang baik dalam diri sendiri, sebaliknya dijadikan pembakar semangat untuk terus menunjukkan ciri guru yang cemerlang. Bakal guru dan guru yang sedang berkhidmat mesti menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak murid dan masyarakat, dan mereka diharapkan sentiasa memperbaiki diri dengan membuat refleksi sendiri ke atas tindakan yang mereka lakukan, baik di dalam kawasan sekolah mahupun di luar sekolah. Pendidik yang mampu melakukan refleksi sendiri lebih senang untuk terus berusaha memperbaiki diri mereka sendiri.

Justeru, untuk memantapkan lagi kualiti bakal guru yang akan mula berkhidmat apabila tamat pengajian mereka kelak, Kementerian Pendidikan telah melakar kerangka yang holistik—bagi melahirkan guru yang berkualiti dari segi pencapaian akademik, dan juga dari segi akhlakunya. Langkah pertama seharusnya adalah dengan mengenalpasti tret profesionalisme mahasiswa pendidikan, supaya kursus yang dirangka dapat memberikan impak yang lebih positif dalam jiwa bakal guru, dan seterusnya dapat membangunkan dan menggalakkan ciri tingkah laku identiti seorang profesional agar mereka dapat menunjukkan ciri tersebut secara konsisten bermula dari awal.

■3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan bagi mengenal pasti tret profesionalisme mahasiswa sarjana muda bidang Pendidikan terdiri daripada 126 orang dari tiga seksyen kursus professionalism guru (SHPP1022 sem 1 sesi 2021/2022) secara kaedah populasi. Satu instrumen yang mengukur tret profesionalisme telah dibangunkan terdiri dari sembilan dimensi iaitu Adab Berguru (AB), Penampilan (PN), Komunikasi Lisan (KL), Hormat Menghormati (HM), Menghormati Masa (MM), Komunikasi Digital (KD), Integriti (IG), Bersyukur (BS) dan Kerja Berkumpulan (KK) seperti dalam Jadual 6. Soal Selidik Tret Profesionalisme Mahasiswa Pendidikan (SSTPMP) telah ditadbir sebanyak dua kali; tadbiran pertama (data pra) pada minggu kedua manakala tadbiran kedua (data pos) pada minggu ketiga belas. Kedua-dua tadbiran telah menggunakan kaedah atas talian melalui aplikasi Google Form. Data telah dianalisis bagi tujuan mengenalpasti tret profesionalisme (perbandingan data pra dan pos), tret profesionalisme berdasarkan jantina, hubungan antara dimensi dan dimensi dominan peramal tret profesionalisme. Kajian rintis turut dijalankan kepada 42 orang mahasiswa sarjana muda bidang Pendidikan. Indeks

Kebolehpercayaan Alpha Cronbach (r) menunjukkan nilai .95 iaitu berada pada tahap cemerlang (Nunnally, 1978, Hiar et al, 2010). Kaedah analisis melibatkan statistik deskriptif dan inferensi.

Jadual 6 Soal Selidik Tret Profesionalisme Mahasiswa Pendidikan (STPMP)

DIMENSI	ITEM
ADAB BERGURU (AB) [5 item]	Saya mengucapkan salam/ menyapa pensyarah terlebih dahulu sebelum beliau berbuat demikian
	Saya menjaga tingkah laku agar tidak menyentuh perasaan pensyarah/ rakan sekelas/ ahli keluarga
	Saya mendengar arahan pensyarah dengan teliti
	Saya memberikan sepenuh perhatian semasa pensyarah sedang mengajar
	Saya bersedia untuk menerima nasihat/ teguran/ pandangan dari pelbagai sumber untuk memperbaiki diri
PENAMPILAN (PN) [4 item]	Saya berpakaian kemas semasa menghadiri kuliah
	Saya menunjukkan penampilan yang disenangi setiap masa
	Saya tidak meniru cara kawan-kawan berpakaian yang menyalahi peraturan
	Saya mementingkan kebersihan/ kekemasan berpakaian
KOMUNIKASI LISAN (KL) [4 item]	Saya menggunakan bahasa standard/ rasmi semasa berkomunikasi dengan pensyarah/ rakan sekelas
	Saya mengelak dari menggunakan bahasa daerah/ loghat semasa berinteraksi dengan pensyarah/ rakan sekelas/ komuniti UTM
	Saya menjaga tutorkata semasa berkomunikasi supaya tidak berlaku kekeliruan/ tafsiran selain yang dimaksudkan
	Saya mempamerkan bahasa tubuh (body language) positif bersesuaian dengan keadaan sekeliling
HORMAT MENGHORMATI (HM) [4 item]	Saya elak mengganggu waktu persendirian rakan sekelas
	Saya menerima perbezaan pendapat/ budaya/ status/ hasil kerja rakan sekelas
	Saya memegang prinsip mengutamakan tetamu/ orang luar yang tidak dikenali/ warga Sekolah Pendidikan/ Universiti Teknologi Malaysia
	Saya mendapatkan kebenaran terlebih dahulu sebelum berbilang dengan pensyarah selepas waktu pejabat
MENGHORMATI MASA (MM) [5 item]	Saya menghadiri kuliah tepat pada waktu yang ditetapkan
	Saya merancang masa belajar dengan menyediakan jadual/ planner
	Saya menguruskan masa berdasarkan keutamaan/ prioriti
	Saya memenuhi masa bagi setiap janji temu yang dibuat
	Saya menghargai masa kerana ia adalah modal kehidupan – pembaziran masa akan menyusahkan kehidupan masa depan
KOMUNIKASI DIGITAL (KD) [4 item]	Saya menulis surat menggunakan bahasa rasmi
	Saya mengelak dari menulis perkataan singkatan semasa berkomunikasi secara digital
	Saya mengulang baca kandungan komunikasi secara digital sebelum dihantar kepada penerima
	Saya bertanggungjawab terhadap apa yang saya tulis di media sosial
INTEGRITI (IG) [3 item]	Saya berusaha melaksanakan tanggungjawab sebagai mahasiswa/wi dengan cemerlang
	Saya mengamalkan budaya hidup yang mempamerkan kebenaran dalam tutorkata/ perbuatan
	Saya melaporkan sesuatu yang tepat berkaitan diri/ keluarga/ status pada rakan sekelas/ pensyarah/ warga UTM
BERSYUKUR (BS) [6 item]	Saya menjaga pemberian pencipta sebaiknya
	Saya berkongsi ilmu/ kemahiran kepada rakan sekelas/ warga UTM/ warga maya
	Saya mengamalkan semangat berkongsi kebajikan dalam hidup bermasyarakat
	Saya menghargai setiap pemberian dari ibu bapa/ keluarga dengan menjaganya dengan baik
	Saya merasa bangga kerana mendapat peluang belajar di UTM
	Saya beriltizam untuk membuktikan kecemerlangan dalam setiap aktiviti yang dilakukan
KERJA BERKUMPULAN (KK) [7 item]	Saya menjalankan tanggungjawab sebagai ahli kumpulan dalam kumpulan yang disertai
	Saya menawarkan bantuan dalam bentuk sokongan moral kepada rakan yang memerlukan
	Saya melontarkan idea/ buah fikiran semasa perbincangan kumpulan bertujuan menghasilkan kerja yang berkualiti
	Saya mengalu-alukan ketrampilan/ kewibawaan ahli kumpulan yang lain dalam memimpin
	Saya rasa bahagia apabila dapat membantu rakan/ pensyarah walaupun secara kecil-kecilan
	Saya mengamalkan sikap toleransi semasa berinteraksi dalam kumpulan
	Saya meletakkan kejayaan kumpulan yang disertai adalah kejayaan besar hasil usaha diri sendiri


4.0 DAPATAN

Dapatan kajian tinjauan tret profesionalisme mahasiswa Pendidikan universiti awam Malaysia adalah seperti berikut.

4.1 Skor Min Pra dan Pos Tret Profesionalisme Mahasiswa/wi Pendidikan

Jadual 7 menunjukkan analisis skor min pra dan pos bagi tret profesionalisme pelajar.


Jadual 7 Analisis Skor Min Pra dan Pos



4.2 Skor Min Tret Profesionalisme Mahasiswa/wi Pendidikan berdasarkan Jantina


Jadual 8 menunjukkan analisis skor min berdasarkan jantina. Purata keseluruhan berdasarkan jantina menunjukkan pada tahap sederhana tinggi; mahasiswa lelaki menunjukkan tahap profesionalisme (3.61) lebih tinggi berbanding mahasiswa perempuan (3.57).

Jadual 8 Skor Min Berdasarkan Jantina



4.3 Skor Min Tret Profesionalisme Mahasiswa/wi Pendidikan berdasarkan 9 dimensi

Rajah 1 menunjukkan skor min bagi setiap dimensi. Keputusan analisis menunjukkan semua dimensi menunjukkan persepsi mahasiswa pendidikan terhadap tret profesionalisme berada pada tahap sederhana tinggi dengan dimensi bersyukur adalah paling tinggi manakala dimensi menghormati masa paling rendah.



Rajah 1 Skor Min Tret Profesionalisme berdasarkan Dimensi

4.4 Korelasi Tret Profesionalisme Mahasiswa Pendidikan

Dalam kajian ini, korelasi antara dimensi juga dilakukan terhadap tiga dimensi. Dimensi integriti diandaikan menjadi asas kepada tret profesionalisme mahasiswa pendidikan. Oleh itu, korelasi antara dimensi integriti menggunakan analisis *Ujian Pearson Product Moment* telah dijalankan terhadap tiga dimensi lain iaitu kerja kumpulan, adab berguru dan horat menghormati. Keputusan analisis adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9 Integriti dan Kerja Kumpulan

		INTEGRITI	KERJA KUMPULAN
INTEGRITI	Pearson Correlation	1	.703**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	126	126
KERJA PASUKAN	Pearson Correlation	.703**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	126	126

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

Keputusan menunjukkan korelasi Pearson antara dimensi integriti dengan dimensi kerja kumpulan adalah pada nilai (r) = .70. Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan (p<0.05) antara kedua-dua dimensi tersebut dengan kekuatan korelasi pada tahap tinggi (Cohen, 1988).

Seterusnya, Jadual 10 menunjukkan ujian korelasi Pearson antara dimensi integriti dengan dimensi adab berguru pada nilai (r) = .67. Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan (p<0.05) antara kedua-dua dimensi tersebut dengan kekuatan korelasi pada tahap tinggi (Cohen, 1988).

Jadual 10 Integriti dan Adab Berguru

		INTEGRITI	ADAB BERGURU
INTEGRITI	Pearson Correlation	1	.673**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	126	126
ADAB BERGURU	Pearson Correlation	.673**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	126	126

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

Jadual 11 menunjukkan korelasi Pearson dimensi integriti dengan dimensi horat menghormati pada nilai (r) = .62. Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan (p<0.05) antara kedua-dua dimensi tersebut dengan kekuatan korelasi pada tahap tinggi (Cohen, 1988).

Jadual 11 Integriti dan Hormat Menghormati

		ADAB BERGURU	HORMAT MENGHORMATI
ADAB BERGURU	Pearson Correlation	1	.619**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	126	126
HORMAT MENGHORMATI	Pearson Correlation	.619**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	126	126

** . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

4.5 Peramal Utama Tret Profesionalisme Mahasiswa/wi Pendidikan

Seterusnya, analisis regresi berganda di jalankan bagi mengenalpasti dimensi-dimensi yang mempengaruhi tret profesionalisme mahasiswa pendidikan (Jadual 12). Dapatan menunjukkan bahawa persepsi mahasiswa terhadap dimensi kerja kumpulan (.185), menghormati masa (.158), bersyukur (.149) diikuti adab berguru (.139) secara signifikan ($p < 0.05$) mempengaruhi sifat profesionalisme dalam diri mereka. Walau bagaimanapun, integriti adalah dimensi paling rendah mempengaruhi sifat profesionalisme. Oleh itu, kajian ini mencadangkan para pendidik kursus pendidikan untuk memupuk dimensi-dimensi yang juga penting seperti Komunikasi Digital, Penampilan, Hormat Menghormati, Komunikasi Lisan. Selain itu, dimensi integriti yang sepatutnya menjadi kompas nilai asas kehidupan iaitu berlaku jujur dan amanah (integriti) dalam hal berkait niat, percakapan dan tingkah laku demi kelestarian sifat (*tret*) profesionalisme haruslah dipupuk dan dibaja demi kelangsungan profesion untuk jangka panjang. Diharapkan mahasiswa pendidikan dapat dibentuk dalam tempoh pengajian untuk menjadi pendidik cemerlang dari aspek jiwa, fizikal dan mental supaya dapat melaksanakan tanggungjawab yang di amanahkan.

Jadual 12 Analisis Regresi Berganda Tret Profesionalisme

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients Beta	t	Sig.
		B	Std. Error			
1	(Constant)	-1.499E-15	.000		.000	1.000
	ADAB BERGURU	.119	.000	.139	151535761.484	.000
	PENAMPILAN	.095	.000	.122	136551345.735	.000
	KOMLISAN	.095	.000	.118	126215544.581	.000
	HORMAT MENGHORMATI	.095	.000	.121	145091828.086	.000
	HORMAT MASA	.119	.000	.158	188132364.183	.000
	KOM DIGITAL	.095	.000	.125	154141436.114	.000
	INTEGRITI	.071	.000	.096	99541886.570	.000
	SIFAT SYUKUR	.143	.000	.149	155564607.403	.000
	KERJA KUMPULAN	.167	.000	.185	175630436.698	.000

a. Pembolehubah Bersandar: Min PMP

5.0 PERBINCANGAN DAN REKOMENDASI

Secara keseluruhan, analisis menunjukkan bakal guru mahasiswa Pendidikan di universiti awam mempunyai tahap professionalism yang sederhana, selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Nadia Farhana (2008), dan Nor Hafizoh dan Rohana (2013). Manakala berbeza dengan dapatan daripada kajian Abu Hassan dan Musa (2020), Mutsalim et. al, (2020), dan Syed Hassan et. al, (2009) di mana tahap professionalism guru-guru sekolah kebangsaan berada di tahap yang tinggi. Dapatan kajian mendapati dimensi bersyukur (BS) adalah tertinggi manakala menghormati masa (MM) adalah dimensi terendah.

Terdapat empat dimensi dominan yang mempengaruhi professionalism mahasiswa Pendidikan secara signifikan iaitu kerja kumpulan (KK), diikuti dengan menghormati masa (MM), bersyukur (BS), dan adab berguru (AB). Integrasi (IG) adalah dimensi yang kurang mempengaruhi tret professionalism mahasiswa Pendidikan. Amat menarik untuk dilihat apabila dimensi Integrasi (IG) mempunyai kesan signifikan yang rendah dalam meramal tret professionalism mahasiswa pendidikan memandangkan kajian Syed Hassan et. al, (2009) menunjukkan aspek imej dan integriti berada pada yang paling tinggi dalam persepsi pelajar terhadap professionalism guru Pendidikan Islam mereka berbanding tiga domain yang lain. Kajian lanjutan perlu dijalankan bagi melihat faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi mahasiswa pendidikan terhadap professionalism guru.

Peningkatan professionalism mahasiswa Pendidikan memerlukan proses dan masa. Walaupun dapatan kajian menunjukkan tahap yang sederhana, usaha berterusan yang diperkemas dan ditingkatkan sama ada diperingkat individu (iaitu mahasiswa sendiri), serta komuniti (di peringkat institusi pengajian dan di peringkat kementerian) mampu memberikan impak positif ke dalam diri bakal guru. Ibarat kata pepatah, melentur bulu biarlah dari rebungunya. Masih belum terlambat bagi semua pihak berganding bahu menerapkan dan meningkatkan tret professionalism dalam diri bakal mahasiswa memandangkan mereka masih lagi belum memasuki dunia pekerjaan.

Kajian ini hanya melibatkan mahasiswa program sarjana muda pendidikan di salah sebuah universiti awam yang mengambil kursus Profesionalisme Guru. Cadangan selanjutnya adalah mengkaji hubungan antara tret profesionalisme dengan minat dan / atau sikap mahasiswa terhadap pendekatan pendidikan (teradun -atas talian sepenuhnya - hibrid) manakala skop dan sampel kajian juga boleh melibatkan mahasiswa pendidikan daripada universiti lain di Malaysia.

6.0 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini hanya tertumpu kepada Mahasiswa Pendidikan di sebuah universiti awam tempatan. Oleh itu, data yang diperoleh hanyalah mewakili kelompok tertentu sahaja. Disebabkan bilangan sampel yang kecil, penemuan mungkin tidak dapat di generalisasikan. Justeru, hasil kajian hanya boleh dijadikan sebagai rujukan atau cadangan berkaitan tret profesionalisme dalam kalangan mahasiswa Pendidikan untuk digunapakai untuk kajian-kajian lain.

7.0 KESIMPULAN

Tret profesionalisme wajar diterapkan dalam setiap mahasiswa pendidikan, kerana mereka merupakan contoh kepada bakal pelajar mereka kelak. Justeru, mengenal pasti tret profesionalisme dalam kalangan mahasiswa pendidikan menjadi langkah pertama dalam usaha menerapkan nilai positif ke dalam diri mereka.

Hasil kajian ini telah memberi sedikit gambaran secara empirikal terhadap tahap, hubungan dan peramal tret profesionalisme dalam kalangan mahasiswa/wi Pendidikan. Ini juga membuktikan betapa pentingnya tret profesionalisme dalam profesion keguruan. Dapatan kajian juga memberi input pada beberapa pihak seperti mahasiswa, institusi pendidikan tinggi serta pemegang taruh.

Dapatan yang diperoleh dalam kajian ini diharap dapat menyumbangkan data yang berguna kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dalam melaksanakan penilaian terhadap sifat profesionalisme ke atas bakal pendidik. Dapatan ini juga dapat menjadi rujukan dalam merangka pelan pembangunan profesionalisme yang lebih sistematik dan holistik.

Dapatan yang diperoleh adalah perlu dipertimbangkan semasa merangka kursus Pendidikan. Adalah diharap dapatan yang diperoleh mencetus jangkauan dan usaha yang lebih jelas dalam menghasilkan bakal pendidik penggerak dunia Pendidikan yang bukan sahaja berkemahiran dalam bidang yang dipilih, malah mempunyai sahsiah dan keperibadian yang tinggi selari dengan perkembangan revolusi perindustrian 4.0..

Kajian ini diharap dapat menanam kesedaran dalam kalangan mahasiswa/wi Pendidikan untuk lebih peka terhadap tret profesionalisme dalam membangunkan diri seiring dengan keperluan dunia Pendidikan, baik sebagai seorang mahasiswa di pusat pengajian tinggi, ataupun sebagai bakal guru yang akan menjadi contoh kepada pelajar.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia di atas sokongan yang diberikan. Projek ini juga disokong oleh Sekolah Pendidikan, Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan, UTM.

Rujukan

- A.Rahman, K.A. (2012). Disposisi guru berkesan: Personaliti dan kemahiran komunikasi. *Akademika* 82(2), 37-44.
- Ab. Samad, & Jamaluddin, S. (2005). Peranan kepimpinan guru dalam mempengaruhi iklim bilik darjah. *Masalah Pendidikan*. 117-129.
- Abu Hassan, M.A. & Musa, K. (2019). Amalan professionalism guru sekolah rendah di semenanjung Malaysia. *4th Asia Pacific Conference on Educational Management and Leadership (APCEMaL)*.
- Abu Hassan., M.A., & Musa, K. (2020). Tahap professionalism guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*. 9(2),37-45.
- Alamsyah, M., Ahmad, S. & Harris, H. (2020). Pengaruh Kualifikasi Akademik dan pengalaman mengajar terhadap professionalism guru. *Journal of Education Research*. 1(3), 183-187.
- American Board of Internal Medicine. (1995). *Project Professionalism*. Philadelphia, Pa: American Board of Internal Medicine.
- Asmawi, Z., & Mohammad, W.M.R.W. (2021). Amalan professionalism guru Bahasa Melayu sekolah kebangsaan dalam aspek nilai. *International Journal of Modern Education*. 3(8), 196-210.
- Berry, B., Gaughtrey, A; & Wieder, A. (2010). *Teacher Leadership: Leading the way to effective teaching and learning*. Center for Teaching Quality.
- Bruno, F.J. (1986). *Dictionary of Keywords in Psychology*. Routledge and Kegan Paul Inc; USA.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences* (2nd ed.). Hillsdale, NJ:Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Demirkasimoglu, N. (2010). Defining "Teacher Professionalism" from different perspectives. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 9, 2047-2051.
- Ehrler, D.J., Evans, J.G. & McGhee, R.L. (1999). Extending big-five theory into childhood: a preliminary investigation into the relationship between big-five personality traits and behavior problems in children. *Psychology in the Schools*. 36(6), 451-458.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis*: PearsonCollegeDivision.
- Hakimi, S., Hejazi, E., & Lavasani, M.G. (2011). The relationship between personality traits and students' academic achievement. *Procedia-Social and Behavioural Sciences*. 29, 836-845.
- INTAN (1991), *Nilai Dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), 3.
- Katzenmeyer, M. & Moller, G. (2009). *Awakening the sleeping giant: Helping teacher develop as leaders* (3rd Edition). CA: Corwin.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). *Standard Guru Malaysia 2.0*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.

- McLachlan, J.C., Finn, G., & Macnaughton, J. (2009). The Conscientiousness Index: A novel tool to explore students' professionalism. *Academic Medicine*, 85(5), 559-565
- Mutsalim, K., Rohanee, M., Heloh, K. & Jaffary, A. (2020). Tahap profesionalisme guru agama dan keberkesannya di Maahad Myhammad Perempuan, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*. 17, 78-89.
- Nadia Farhana. (2008). Persepsi pentadbir sekolah terhadap kualiti guru pelatih UTM di sekolah sekitar Johor Bahru. (Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru).
- Norashikin, A.B., Ramli, B. & Foo, S.F. (2015). Hubungan kepimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar. *International Journal of Education and Training*. 1(2), 1-11.
- Nor Hafizoh, I. & Rohana, H. (2012). Nilai professionalism bakal guru berteraskan indicator standard guru Malaysia *SGM). *Jurnal Teknologi*, 60(1), 31-37.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory*: New McGraw-Hill, c1978. 2d ed.
- Syed Hassan, S.N., Tamuri., A.H., Othaman, I. & Mamat, M.S. (2009). Kajian Persepsi pelajar terhadap tahap professionalism guru pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 1(2), 31-50.
- Syed Ismail al-Qudsy, S.H., Ab. Rahman, A., & Mohd Zain, M.I. (2009). Pengukuhan nilai dan professionalism di kalangan penjawat awam kea rah efektif goverman di Malaysia. *Jurnal Syariah*. 17(3), 559-592.
- Tikok, J. (2018). Sikap dan jantina guru Bahasa melayu sekolah daerah serian terhadap pemilihan bahan bantu mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*. 8(1). 13-21.
- Wan Hamat, W.H.L., Hamzah, M.I. & Abdin Lubis, M.A.L. (2019). Sikap siswa guru semasa belajar di institut Pendidikan guru berasaskan pemikiran Al-Zarnuji. *Journal al-Muqaddimah*. 7(1), 23-36.